

Praktis UASA

Sistem Bahasa  Kertas 1 (Bahagian A)

Praktis 1

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

1 Pihak kerajaan telah merangka pelbagai perancangan bagi menghadapi kemelesetan ekonomi global pada tahun ini.

- A Pihak kerajaan telah menghadapi kemelesetan ekonomi global pada tahun ini dengan merangka pelbagai perancangan.
- B Bagi menghadapi kemelesetan ekonomi global pada tahun ini, pihak kerajaan sedang merangka pelbagai perancangan.
- C Pelbagai perancangan telah dijalankan oleh pihak kerajaan dalam menghadapi kemelesetan ekonomi global pada tahun ini.
- D Berbagai-bagai perancangan telah dirangka oleh pihak kerajaan bagi menghadapi kemelesetan ekonomi global pada tahun ini.

2 Untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan, syarikat berkenaan mengenakan caj yang lebih tinggi.

- A Kualiti perkhidmatan ditingkatkan kerana caj yang dikenakan lebih tinggi daripada biasa.
- B Kualiti perkhidmatan syarikat berkenaan menjadi tinggi kerana caj yang dikenakan juga tinggi.

- C Caj yang dikenakan oleh syarikat berkenaan lebih tinggi kerana kualiti perkhidmatan yang ditawarkan telah ditingkatkan.
- D Perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikat berkenaan diharapkan lebih baik kerana caj yang dikenakan juga tinggi.

3 Apabila Hari Raya Aidilfitri menjelang, anak-anak di perantauan akan pulang ke kampung masing-masing.

- A Di perantauan, anak-anak kampung masing-masing akan pulang semasa Hari Raya Aidilfitri.
- B Anak-anak di perantauan akan pulang ke kampung masing-masing menjelang Hari Raya Aidilfitri.
- C Masing-masing anak di kampung akan pulang ke perantauan apabila Hari Raya Aidilfitri menjelang.
- D Hari Raya Aidilfitri akan menjelang di perantauan maka anak-anak akan pulang ke kampung masing-masing.

Praktis 2

Pilih peribahasa paling sesuai.

1 Azwan merupakan seorang peniaga yang amat pandai menarik perhatian pelanggan untuk membeli barangan di kedainya. Namun begitu, dia telah menipu pelanggannya dari segi sukatan dan timbangan.

Nyatakan peribahasa yang paling sesuai untuk menjelaskan situasi di atas.

- A Bersaksi ke lutut
- B Berniaga di hujung lidah
- C Bertanam tebu di tepi bibir
- D Bersandar di lemanq hangat

2 Kami berasa sedih apabila ada orang yang memperkatakan hal keluarga Sutina kerana dia ialah sahabat baik kami bak kata pepatah _____.

- A cakap sejengkal dibawa sehasta
- B condong ditumpul, lemah dianduh
- C cubit paha kanan, paha kiri terasa sakit
- D carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga

3 Rakyat matahari terbit itu hanya menggunakan bahasa ibunda mereka apabila berkomunikasi sesama mereka.

Nyatakan kata-kata hikmat yang sesuai dengan situasi di atas.

- A Bahasa jiwa bangsa
- B Bersekutu bertambah mutu
- C Bersatu teguh, bercerai roboh
- D Rajin dan usaha tangga kejayaan